



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***KETERLIBATAN KOGNITIF, EFIKASI KENDIRI KEUSAHAWANAN
DAN HUBUNGANNYA DENGAN PERILAKU INOVASI
KEUSAHAWANAN PELAJAR***

FARIDAH BINTI SAMSUDIN

FPP 2018 23



**KETERLIBATAN KOGNITIF, EFIKASI KENDIRI KEUSAHAWANAN
DAN HUBUNGANNYA DENGAN PERILAKU INOVASI
KEUSAHAWANAN PELAJAR**

Oleh

FARIDAH BINTI SAMSUDIN

**Tesis yang dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah,
Universiti Putra Malaysia, sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah
Master Sains**

Mac 2017

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia
sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sains

**KETERLIBATAN KOGNITIF, EFIKASI KENDIRI KEUSAHAWANAN
DAN HUBUNGANNYA DENGAN PERILAKU INOVASI
KEUSAHAWANAN PELAJAR**

Oleh

FARIDAH BINTI SAMSUDIN

Mac 2017

Pengerusi : Zaidatul Akmaliah Binti Lope Pihie, PhD
Fakulti : Pengajian Pendidikan

Keusahawanan dapat membantu menjana ekonomi negara. Inovasi dalam keusahawanan pula boleh menjana ganjaran yang lebih lumayan. Usahawan yang berinovasi adalah kumpulan penting yang mampu membantu negara kita untuk keluar daripada terperangkap dalam status ekonomi berpendapatan sederhana, kepada ekonomi berpendapatan tinggi.

Objektif kajian ini adalah untuk menentukan tahap dan hubungan pembolehubah keterlibatan kognitif dan efikasi sendiri keusahawanan dengan perilaku inovasi keusahawanan pelajar sekolah menengah di negeri Selangor.

Kajian ini adalah berbentuk deskriptif dengan menggunakan soal selidik sebagai instrumen utama. Instrumen kajian bagi perilaku inovasi keusahawanan pelajar adalah menggunakan 'The Innovative Behaviour Inventory' berdasarkan hasil kajian Lukeš (2013). Item keterlibatan kognitif diukur menggunakan item yang telah diubah suai daripada hasil kajian Greene et al., (2004). Soal selidik yang digunakan bagi efikasi sendiri keusahawanan pelajar ialah 'Entrepreneurial Self-Efficacy Measures' yang telah dibangunkan berdasarkan hasil kajian McGee et al., (2009). Sebanyak 403 orang responden telah terlibat dalam kajian ini yang terdiri daripada pelajar Tingkatan 4 daripada 10 buah sekolah menengah harian biasa di seluruh negeri Selangor.

Dapatan kajian dianalisis secara kekerapan, peratusan, min, sisihan piawai, ujian-t sampel tidak bersandar, ANOVA satu-hala, analisis korelasi Pearson dan

analisis regresi berganda. Semua data ini dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS versi 21.

Analisis kajian menunjukkan skor min keterlibatan kognitif $M=3.63$ ($SP=0.43$) adalah sederhana. Tetapi, skor min efikasi sendiri keusahawanan $M=3.67$ ($SP=0.58$) dan perilaku inovasi keusahawanan pelajar $M=3.73$ ($SP=0.56$) berada pada tahap tinggi.

Analisis korelasi Pearson menunjukkan terdapat hubungan signifikan yang kuat dan positif antara keterlibatan kognitif dan perilaku inovasi keusahawanan pelajar [$r(403)=0.665$, $p=0.01$]. Begitu juga terdapat hubungan signifikan yang kuat dan positif antara antara efikasi sendiri keusahawanan dan perilaku inovasi keusahawanan pelajar [$r(403)=0.802$, $p=0.01$]. Efikasi sendiri keusahawanan adalah peramal bagi pemboleh ubah perilaku inovasi keusahawanan pelajar. Tahap keterlibatan kognitif dan efikasi sendiri keusahawanan pelajar boleh ditingkatkan melalui pelbagai strategi pengajaran yang menarik dan berkesan dalam menghasilkan pelajar berinovasi dan mempunyai efikasi keusahawanan yang baik.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfillment of the requirement for the degree of Master of Science

**COGNITIVE ENGAGEMENT, ENTREPRENEURIAL SELF EFFICACY
AND ITS RELATIONSHIP WITH STUDENT'S
INNOVATIVE BEHAVIOUR IN ENTREPRENEURSHIP**

By

FARIDAH BINTI SAMSUDIN

March 2017

Chairman : Zaidatul Akmaliah Binti Lope Pihie, PhD
Faculty : Educational Studies

Entrepreneurship can help fuel up the economy. Innovation in entrepreneurship can generate lucrative income. Innovative entrepreneurs are an important group that could help our country to be released from the middle income economic status, to a higher income economy.

The objective of this study was to identify the level and relationship of variables which were the relationship between the cognitive engagement and students' entrepreneurship innovation behaviour, and also to seek the relationship between the entrepreneurial self efficacies with students' entrepreneurship innovation behaviour, in the state of Selangor. This is a descriptive study using the questionnaire as the main instrument. 'The Innovative Behaviour Inventory' was developed by Lukeš (2013), is used to measure the students' entrepreneurship innovation behaviour. Items for the cognitive engagement are measured by using modified items from Greene et al., (2004). The questionnaire used for students' entrepreneurship self efficacies was The 'Entrepreneurial Self-Efficacy Measures' that were developed by McGee et al., (2009). A total of 403 respondents were involved in this study, comprising of Form 4 students from 10 secondary schools across the state of Selangor.

The findings were analyzed through frequency, percentage, mean, standard deviation, T-test, one way ANOVA, Pearson correlation analysis and analysis of multiple regression. All the data were analyzed by SPSS version 21.

The analysis showed the mean score for cognitive engagement $M=3.63$ ($SP=0.43$) at moderate level. However, the mean score of the entrepreneurial self efficacies $M=3.67$ ($SP=0.58$) and students' entrepreneurship innovation behaviour $M=3.73$ ($SP=0.56$) are at high level.

The study also identified a significant and positive relationship between students' entrepreneurial self efficacies and students' entrepreneurship innovation behaviour [$r(403)=0.665$, $p=0.01$]. Similarly, there is also a strong positive relationship between students' entrepreneurial self efficacies and students' entrepreneurship innovation behaviour [$r(403)=0.802$, $p=0.01$]. The students' entrepreneurial self efficacies was the predictor for the students' entrepreneurship innovation behaviour. The level of cognitive engagement and student entrepreneurship self efficacies can be increased through interesting and effective teaching strategies in producing innovative students with good entrepreneurial self efficacies.

PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirahim,

Syukur Alhamdulillah kerana dengan rahmat dan izin-Nya dapat saya menjalankan kajian dengan tabah sehingga selesai. Pengalaman unik dalam menyiapkan kajian ini menjadikan saya seorang yang semakin matang dan tabah dalam menempuh segala dugaan. Saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan jutaan terima kasih kepada mereka yang berkenaan.

Jutaan terima kasih khusus buat penyelia utama kajian saya iaitu Prof. Dr. Zaidatol Akmaliah Lope Pihie atas segala bimbingan, teguran dan cadangan yang membina sepanjang saya menyiapkan kajian ini. Segala ilmu dan tunjuk ajar yang Prof. berikan tidak akan saya sia-siakan sehingga ke akhir hayat. Sekalung penghargaan juga saya ucapkan buat penyelia bersama iaitu Dr. Soaib Asimiran di atas cadangan dalam menambah baik kajian ini. Terima kasih juga buat pensyarah UKM, Prof. Dr. Nor Aishah Buang dan buat para pensyarah FPP UPM iaitu Prof. Dr. Maimunah Ismail, Prof. Dr. Wong Su Luan, Dr. Tajularipin Sulaiman, Dr. Suhaida Abdul Kadir, Dr. Othman Talib, dan Dr. Ahmad Fauzi Mohd Ayub, di atas bimbingan dan tunjuk ajar sepanjang menyiapkan kajian ini.

Buat teman-teman seperjuangan di Fakulti Pengajian Pendidikan, perkongsian ilmu dan curahan idea kalian amat saya hargai. Semoga kita akan terus berjaya pada masa akan datang. Terima kasih juga diucapkan kepada semua responden yang terlibat dalam kajian ini. Terima kasih tidak terhingga dizahirkan buat Bahagian Tajaan Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia serta Jabatan Pendidikan Negeri Selangor di atas kepercayaan dan peluang yang diberikan untuk saya menimba ilmu.

Sejuta penghargaan khusus buat suami tercinta, Mohammad Azhar Ismail di atas sokongan dan kesabaran dalam menempuh cabaran serta onak ranjau sepanjang tempoh saya menjalankan dan menyiapkan kajian. Anak-anak yang dikasihi, Affieq, Hazieq, Fatin dan Haziem, terima kasih kerana memahami situasi dan kesibukkan ibu dalam mengejar cita-cita menggengam segulung ijazah Sarjana. Akhir sekali buat dua insan yang sentiasa dirindui, pengorbanan serta kasih sayang arwah Mak dan Bak akan sentiasa menjadi pendorong untuk saya terus berusaha demi keluarga, agama, bangsa dan negara.

Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa pada 13 Mac 2017 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Faridah binti Samsudin bagi menilai tesis beliau yang bertajuk "Keterlibatan Kognitif, Efikasi Kendiri Keusahawanan dan Hubungannya dengan Perilaku inovasi keusahawanan Pelajar" mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah Master Sains.

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

Rahimah Jamaludin, PhD
Pensyarah Kanan
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Suhaida Abdul kadir, PhD
Pensyarah Kanan
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Norasmah Hj. Othman, PhD
Profesor Madya
Fakulti Pendidikan
Universiti Kebangsaan Malaysia
(Pemeriksa Luar)



RUSLI HAJI ABDULLAH, PhD
Profesor dan Timbalan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 30 Julai 2018

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Master Sains. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Zaidatul Akmaliah Lope Pihie, PhD

Profesor
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Soaib Asimiran, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

ROBIAH BINTI YUNUS, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

Perakuan Pelajar Siswazah

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integrity ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: _____ Tarikh: _____

Nama dan No. Matrik: Faridah binti Samsudin (GS38660)

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: _____

Nama Pengerusi

Jawatankuasa

Penyeliaan: Zaidatul Akmaliah Lope Pihie

Tandatangan: _____

Nama Ahli

Jawatankuasa

Penyeliaan: Soaib Asimiran

SENARAI KANDUNGAN

	Muka Surat
ABSTRAK	i
ABSTRACT	iii
PENGHARGAAN	v
PENGESAHAN	vi
PENGAKUAN	viii
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xv
SENARAI SINGKATAN	xvi
BAB	
1 PENDAHULUAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	1
1.3 Penyataan Masalah	8
1.4 Objektif Kajian	10
1.5 Persoalan Kajian	10
1.6 Kepentingan Kajian	11
1.7 Batasan Kajian	12
1.8 Definisi Istilah	12
1.8.1 Perilaku Inovasi Keusahawan	12
1.8.2 Keterlibatan Kognitif	13
1.8.3 Efikasi Kendiri Keusahawanan	13
1.9 Kesimpulan	13
2 TINJAUAN LITERATUR	14
2.1 Pengenalan	14
2.2 Konsep Perilaku Inovasi Keusahawanan	14
2.3 Teori Dan Model Yang Berkaitan Dengan Perilaku Inovasi Keusahawanan	15
2.3.1 Teori Inovasi dan Pertumbuhan Ekonomi Schumpeter	15
2.3.2 Model Teori Perilaku Inovasi Lukes	16
2.4 Kajian Lepas Berkaitan Perilaku Inovasi Keusahawanan	18
2.5 Konsep Keterlibatan Kognitif Pelajar	20
2.6 Teori Keterlibatan Kognitif Yang Mempengaruhi Pencapaian	21
2.7 Pengukuran Keterlibatan Kognitif	22
2.8 Kajian Lepas Berkaitan Keterlibatan Kognitif	23
2.9 Konsep Efikasi Kendiri dan Efikasi Kendiri Keusahawanan	26
2.10 Teori Yang Berkaitan Dengan Efikasi Kendiri Keusahawanan	27

2.11	Kajian Lepas Berkaitan Efikasi Kendiri Keusahawanan	29
2.12	Teori Hubungan Antara Pembolehubah Bersandar Dan Tidak Bersandar (Teori Perilaku Terancang Ajzen)	31
2.13	Kerangka Konseptual Kajian	33
3	METODOLOGI KAJIAN	36
3.1	Pengenalan	36
3.2	Reka Bentuk Kajian	36
3.3	Populasi dan Persampelan Kajian	36
3.4	Teknik Persampelan	39
3.5	Instrumen Kajian	40
3.6	Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen	44
3.7	Kajian Rintis	45
3.8	Prosedur dan Pengumpulan Data Kajian	47
3.9	Analisis Data	48
3.10	Rumusan	50
4	DAPATAN KAJIAN	51
4.1	Pendahuluan	51
4.2	Analisis Data Berdasarkan Demografi	52
4.3	Analisis Data Berdasarkan Persoalan Kajian	61
4.3.1	Dapatan Persoalan 1	61
4.3.2	Dapatan Persoalan 2	70
4.3.3	Dapatan Persoalan 3	76
4.3.3.1	Perbandingan Tahap Keterlibatan Kognitif, Efikasi Kendiri Keusahawanan, Dan Tingkah Laku Inovasi Keusahawanan Berdasarkan Dapatan Persoalan 1, 2, dan 3.	83
4.3.4	Dapatan Persoalan 4	84
4.3.5	Dapatan Persoalan 5	84
4.3.6	Dapatan Persoalan 6	85
4.3.7	Dapatan Persoalan 7	86
4.3.8	Dapatan Persoalan 8	88
4.3.9	Dapatan Persoalan 9	89
4.3.10	Dapatan Persoalan 10	90
4.3.11	Dapatan Persoalan 11	90
4.3.12	Dapatan Persoalan 12	91
5	RUMUSAN, PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN	93
5.1	Pengenalan	93
5.2	Rumusan	93
5.3	Ringkasan Dapatan Kajian	94
5.4	Perbincangan Kajian	96
5.4.1	Latar Belakang Pelajar	96
5.4.2	Keterlibatan Kognitif	97
5.4.3	Efikasi Kendiri Keusahawanan	98

5.4.4	Perilaku Inovasi Keusahawanan Pelajar	99
5.5	Implikasi Kajian	100
5.6	Cadangan	101
5.7	Cadangan Kajian Lanjutan	103

RUJUKAN	104
LAMPIRAN	108
BIODATA PENULIS	138
SENARAI PENERBITAN	139



SENARAI JADUAL

Jadual	Muka surat
1.1 Perbezaan kandungan topik Perniagaan dan Keusahawanan mengikut pilihan bagi sukatan mata pelajaran KH tingkatan 1, 2 dan 3.	4
1.2 Malaysia: Pendaftar aktif, pendaftar baru, kekosongan dan penempatan bukan siswazah mengikut negeri, Oktober 2013	7
3.1 Jadual analisis item	40
3.2 Jadual skala Likert keterlibatan kognitif	41
3.3 Taburan soalan keterlibatan kognitif mengikut item	41
3.4 Jadual skala Likert efikasi sendiri keusahawanan	42
3.5 Taburan soalan efikasi sendiri keusahawanan	42
3.6 Jadual skala Likert perilaku inovasi keusahawanan pelajar	43
3.7 Taburan soalan perilaku inovasi keusahawanan pelajar	43
3.8 Nilai pekali Cronbach Alpha untuk setiap instrumen	45
3.9 Pekali kebolehppercayaan Cronbach Alpha untuk setiap dimensi	46
3.10 Julat skor min dan aras tahap pembolehubah kajian	48
3.11 Julat pekali korelasi Pearson	48
3.12 Ujian statistik bagi menjawab persoalan kajian	49
4.1 Data demografi berdasarkan bidang Perdagangan dan Sains	52
4.2 Data pilihan KH mengikut bidang	54
4.3 Peratus meminati pilihan KH di tingkatan 3	55
4.4 Peratus bersetuju menjadi usahawan mampu menjana pendapatan lumayan (Ikut bidang)	56
4.5 Peratus bersetuju menjadi usahawan mampu menjana pendapatan lumayan (Ikut pilihan KH)	56
4.6 Bilangan dan peratus berminat menjadi usahawan (Ikut bidang)	57
4.7 Bilangan dan peratus berminat menjadi usahawan (Ikut pilihan KH)	57
4.8 Analisa keseluruhan keputusan mata pelajaran KH	58
4.9 Perbandingan pencapaian peperiksaan mengikut pilihan KH	58
4.10 Analisa keputusan peperiksaan PT3 (2014) bagi mata pelajaran KH berdasarkan bidang	59
4.11 Sebab mengikut bidang Perdagangan dan bidang Sains	60
4.12 Skor min dan sisihan piawai 7 dimensi keterlibatan kognitif berdasarkan bidang dan keseluruhan	62
4.13 Skor min dan sisihan piawai dimensi keterlibatan kognitif	63
4.14 Item, min dan sisihan piawai bagi dimensi motivasi tugasan	64
4.15 Item, min dan sisihan piawai bagi dimensi sokongan autonomi	65
4.16 Item, min dan sisihan piawai bagi dimensi penguasaan penilaian	65

4.17	Item, min dan sisihan piawai bagi dimensi matlamat penguasaan	66
4.18	Item, min dan sisihan piawai bagi dimensi matlamat prestasi	67
4.19	Item, min dan sisihan piawai bagi dimensi perantaraan tanggapan	68
4.20	Item, min dan sisihan piawai bagi dimensi strategi pembelajaran	69
4.21	Skor min dan sisihan piawai dimensi efikasi sendiri keusahawanan berdasarkan bidang	70
4.22	Skor min dan sisihan piawai dimensi efikasi sendiri keusahawanan berdasarkan empat pilihan KH	71
4.23	Item, min dan sisihan piawai bagi dimensi pencarian	72
4.24	Item, min dan sisihan piawai bagi dimensi perancangan	73
4.25	Item, min dan sisihan piawai bagi dimensi merekayasa	73
4.26	Item, min dan sisihan piawai bagi dimensi pengurusan sumber manusia	74
4.27	Item, min dan sisihan piawai bagi dimensi pengurusan kewangan	75
4.28	Skor min dan sisihan piawai perilaku inovasi keusahawanan	76
4.29	Skor min dan sisihan piawai perilaku inovasi keusahawanan	77
4.30	Item, min dan sisihan piawai dimensi menjana idea	78
4.31	Item, min dan sisihan piawai dimensi mencari idea	79
4.32	Item, min dan sisihan piawai dimensi komunikasi idea	80
4.33	Item, min dan sisihan piawai dimensi persediaan pelaksanaan	80
4.34	Item, min dan sisihan piawai dimensi keterlibatan orang lain	81
4.35	Item, min dan sisihan piawai dimensi mengatasi halangan	81
4.36	Item, min dan sisihan piawai dimensi output inovasi	82
4.37	Perbandingan skor min bagi 3 pembolehubah berdasarkan bidang dan keseluruhan	83
4.38	Perbandingan tahap bagi 3 pembolehubah berdasarkan 4 pilihan mata pelajaran KH	83
4.39	Ujian-t bebas perbandingan berdasarkan bidang terhadap keterlibatan kognitif pelajar	84
4.40	Ujian-t bebas perbandingan berdasarkan bidang terhadap efikasi sendiri keusahawanan pelajar	85
4.41	Ujian-t Bebas perbandingan berdasarkan bidang terhadap perilaku inovasi keusahawanan pelajar	85
4.42	Min keterlibatan kognitif pelajar mengikut empat pilihan mata pelajaran KH	86
4.43	Ujian ANOVA satu hala bagi perbandingan min skor keterlibatan kognitif bagi empat kumpulan pilihan mata pelajaran KH	87
4.44	Ujian Post Hoc perbandingan berganda Scheffe min skor	87
4.45	Skor min efikasi sendiri keusahawanan pelajar	88
4.46	Ujian Anova satu hala bagi perbandingan min skor	88
4.47	Skor min perilaku inovasi keusahawanan pelajar	89

4.48	Ujian Anova satu hala bagi perbandingan min skor	89
4.49	Ujian korelasi ' <i>Pearson Correlation</i> ' keterlibatan kognitif dengan perilaku inovasi keusahawanan pelajar	90
4.50	Ujian korelasi ' <i>Pearson Correlation</i> ' efikasi sendiri keusahawanan dengan perilaku inovasi keusahawanan pelajar	91
4.51	Analisa regresi berganda perilaku inovasi keusahawanan pelajar	92



SENARAI RAJAH

Rajah		Muka surat
2.1	Model teori perilaku inovasi di tempat kerja (Lukes 2009)	16
2.2	Model konsep kesan efikasi sendiri keusahawanan Kepada inovasi sesebuah firma. (Ahlin, 2013)	27
2.3	Teori perilaku terancang (Theory of planned behaviour)	32
2.4	Kerangka konseptual kajian	34
3.1	Carta aliran teknik persampelan kajian	39



SENARAI SINGKATAN

CERI	Centre For Research and Innovation in Teaching
GII	Global Innovation Index
EPRD	Bahagian Perancangan Dan Penyelidikan Dasar Pendidikan Kementerian Pelajaran Malaysia
ERT	Ekonomi Rumah Tangga
ICT	Teknologi maklumat dan informasi (Information and communications technology)
IPT	Institusi Pengajian Tinggi
KHB	Kemahiran Hidup Bersepadu
KPM	Kementerian Pelajaran Malaysia
KT	Kemahiran Teknikal
KV	Kolej Vokasional
MBE	Model Baru Ekonomi
MPEN	Majlis Penasihat Ekonomi Negara
PAV	Pendidikan Asas Vokasional
PBS	Pentaksiran Berasaskan Sekolah
PK	Perniagaan dan Keusahawanan
PPD	Pejabat Pendidikan Daerah
PPPMu	Panduan Perkembangan Pembelajaran Murid
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025)
PPPM (PT)	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015-2025
RMKe-10	Rancangan Malaysia Kesepuluh
RMKe-11	Rancangan Malaysia Kesebelas
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
SPN	Sains Pertanian
TVET	Pendidikan dan Latihan Teknikal Dan Vokasional

© COPYRIGHT UPM



BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Inovasi dalam keusahawanan adalah penting bagi meningkatkan ekonomi dan menghasilkan usahawan muda yang kreatif, inovatif serta berdaya saing di peringkat global. Tetapi, kecekapan inovasi negara kita berada pada tahap lebih rendah berbanding Vietnam dan Indonesia (Dutta, Lanvin, & Wunsch-Vincent, 2015). Kita harus keluar dari perangkap ekonomi dan tingkatkan inovasi. Kajian diperingkat awal pendidikan perlu dilaksanakan. Oleh itu, kajian ini akan membincangkan hubungan antara keterlibatan kognitif, efikasi sendiri keusahawanan, dengan perilaku inovasi keusahawanan pelajar. Pembolehubah bersandar kajian ini ialah perilaku inovasi keusahawanan pelajar. Dua pembolehubah tidak bersandar ialah keterlibatan kognitif dan efikasi sendiri keusahawanan. Penerangan tentang kajian yang akan dilaksanakan, diuraikan dalam tajuk latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian dan kepentingan kajian.

1.2 Latar Belakang Kajian

Model Baru Ekonomi (MBE) 2010 ada menekankan aspek keusahawanan dan inovasi. Menurut laporan MBE pada 31 Oktober 2010, keusahawanan dan inovasi tidak akan muncul dengan sendiri. Inovasi dalam keusahawanan boleh menjana ganjaran yang lumayan. Institusi sektor awam memainkan peranan penting dalam mewujudkan keupayaan bagi perubahan dinamik dan inovasi. Kerjasama semua pihak yang terlibat, memainkan peranan utama dalam mewujudkan persekitaran yang mampu memupuk keusahawanan dan inovasi. Struktur, proses, peraturan dan aktiviti-aktiviti yang dirancang mestilah menjana pembelajaran berterusan dan pemikiran baru bagi menghadapi cabaran mengurus di dalam keadaan ketidakpastian (MPEN 2010).

Pada tahun 1957, negara kita dikategorikan sebagai negara berpendapatan rendah. Malaysia berjaya mencapai status negara berpendapatan sederhana pada tahun 1992. Setelah hampir 25 tahun, kita masih kekal sebagai negara berstatus pendapatan sederhana. Oleh itu, Malaysia sangat berhasrat meningkatkan ekonomi untuk menjadi ekonomi berpendapatan tinggi. Antara agenda utama dalam pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesepuluh tahun 2011-2015 (RMKe-10) ialah membangun dan mengekalkan modal insan

bertaraf dunia dan merombak sistem pendidikan untuk meningkatkan prestasi pelajar dengan signifikan. Prestasi pelajar harus ditingkatkan dalam semua aspek yang dapat membantu mencapai potensi diri pelajar sepenuhnya. Keusahawanan ialah salah satu mata pelajaran pendidikan teknikal dan vokasional (TVET) yang mampu membantu pelajar meningkatkan potensi diri. Oleh itu, enrolmen dalam TVET perlu ditambah kerana TVET menjadi pilihan pendidikan perdana di kebanyakan negara maju. Model binari atau dwi-laluan pendidikan yang fleksibel diguna pakai di kebanyakan negara berpendapatan tinggi. Model ini membolehkan pelajar menukar pilihan antara akademik dengan teknikal atau vokasional yang mempunyai prospek kerjaya yang setara. Bagi negara OECD (*Organisation for Economic Co-operation and Development*) yang kebanyakannya disertai oleh negara-negara maju, kadar purata enrolmen pelajar yang memasuki bidang TVET di peringkat menengah atas adalah 44%, berbanding hanya 10% di Malaysia. Penambahbaikan peluang, akses dan kualiti TVET untuk laluan teknikal adalah penting (RMKe-10 JPM, 2010). Setelah tamat tempoh RMKe-10, pengambilan dalam TVET telah meningkat daripada 113 000 pada tahun 2010 kepada 164 000 pada 2013. RMKe-10 telah menunjukkan satu peningkatan yang baik dalam enrolmen ke TVET.

Dibawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11), 1.5 juta pekerjaan akan diwujudkan. Daripada jumlah pekerjaan baru ini, 60% memerlukan kelayakan berkaitan TVET. Oleh itu, pengambilan pelajar bidang TVET harus ditingkatkan daripada 164 000 pada tahun 2013 kepada 225 000 menjelang tahun 2020

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025) telah menekankan aspek aspirasi bagi sistem pendidikan dan murid di Malaysia. Sistem pendidikan negara akan membantu setiap murid mencapai potensi sepenuhnya dengan mewujudkan pelbagai peluang untuk bekerja dalam pasukan dan mengamalkan ciri kepimpinan. Dalam konteks sistem pendidikan, kepimpinan merangkumi empat dimensi, iaitu keusahawanan, berdaya tahan, kecerdasan emosi, dan kemahiran berkomunikasi dengan berkesan (KPM, 2013). Ternyata, keusahawanan dititik beratkan dalam sistem pendidikan di Malaysia.

Keusahawanan dan inovasi juga dititik beratkan di peringkat pendidikan tinggi. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015-2025 [PPPM (PT)] yang sedang dalam proses pelaksanaan merupakan kesinambungan kepada Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) yang dilancarkan sebelum ini. PPPM (PT) (2015) yang baharu ini dibentuk untuk dijayarkan dengan Program Transformasi Kerajaan, Pelan Transformasi Ekonomi, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Prasekolah hingga Pendidikan Lepas Menengah) 2013-2025 dan Rancangan Malaysia ke-11,

untuk memastikan agenda transformasi nasional negara yang konsisten dan koheren. PPPM (PT) mencadangkan lonjakan ketara dalam cara pengoperasian yang berkaitan keusahawanan dan inovasi. Sistem pendidikan tinggi akan berubah dari sistem pendidikan yang menyediakan pencari pekerjaan kepada pencipta pekerjaan dan warganegara seimbang dengan pemikiran keusahawanan. Aspirasi PPPM (PT) juga akan berubah daripada model penyampaian secara "pengeluaran massa" kepada inovasi berteraskan teknologi bagi penyampaian pendidikan yang disesuaikan untuk semua pelajar (KPM, 2015).

Bukan hanya di institusi pengajian tinggi, pendidikan keusahawanan sesuai dimulakan kepada pelajar pada usia muda kerana perubahan sikap terhadap keusahawanan jelas berlaku pada pelajar yang lebih muda. KPM telah melaksanakan pendidikan keusahawanan dalam pengajaran subjek tertentu di sekolah-sekolah, contohnya komponen perniagaan dan keusahawanan telah diterapkan dalam subjek Kemahiran Hidup (KH) peringkat sekolah rendah dan sekolah menengah. Pelajar telah didedahkan dengan ilmu keusahawanan semenjak di sekolah rendah lagi (Ponnusamy, 2006).

Pada tahun 1992, tajuk Perdagangan dan Keusahawanan adalah tajuk teras bagi sukatan pelajaran KH. Namun, mulai tahun 2002, dalam edisi semakan mata pelajaran KH, satu bidang baru iaitu Perniagaan dan Keusahawanan disisipkan merentasi tiga pilihan mata pelajaran KH iaitu Kemahiran Teknikal (KT) (Pilihan 1), Ekonomi Rumah Tangga (ERT) (Pilihan 2) dan Pertanian (SPN) (Pilihan 3). Satu pilihan baru diwujudkan sebagai pilihan keempat, iaitu Perdagangan dan Keusahawanan (PK) (Pilihan 4). Ia merupakan pilihan tambahan kepada senarai pilihan yang sedia ada. Setiap pilihan ini ada mengandungi topik perniagaan dan keusahawanan. Ringkasnya, berdasarkan huraian sukatan mata pelajaran KH yang diusahakan oleh Pusat Perkembangan Kurikulum Kementerian Pendidikan Malaysia (2002), mata pelajaran KH di peringkat sekolah menengah rendah dibahagikan kepada 4 pilihan (KPM, 2002). Jadual 1.1 menunjukkan perbezaan isi kandungan topik perniagaan dan keusahawanan yang diajar mengikut pilihan bagi sukatan mata pelajaran KH tingkatan 1, 2 dan 3.

Jadual 1.1: Perbezaan kandungan topik perniagaan dan keusahawanan mengikut pilihan bagi sukatan mata pelajaran KH Tingkatan 1, 2 dan 3.

Pilihan KH	Perniagaan dan Keusahawanan merentas: Pilihan KT, ERT dan SPN (Merentas Pilihan 1,2 dan 3)	Pilihan Perdagangan Dan Keusahawanan (Pilihan 4)
Peruntukan masa	2 minggu	16 minggu
Tingkatan 1	Pengenalan kepada perniagaan 1. Pengertian dan kepentingan perniagaan 2. Perkembangan perniagaan dan masa depannya 3. Bentuk dan jenis perniagaan 4. Milikan Perniagaan	Pengenalan Kepada Perniagaan 1. Konsep dan kepentingan perniagaan 2. Perkembangan perniagaan dan masa depannya 3. Bentuk dan jenis perniagaan <ul style="list-style-type: none"> • Perniagaan barangan • Perniagaan perkhidmatan • Jenis perniagaan dalam negeri dan antarabangsa 4. Milikan perniagaan 5. Faktor mempengaruhi perniagaan
Pilihan KH	Perniagaan dan Keusahawanan merentas: Pilihan KT, ERT dan SPN (Merentas Pilihan 1,2 dan 3)	Pilihan Perdagangan Dan Keusahawanan (Pilihan 4)
		Penubuhan dan Pengendalian Perniagaan 1. Langkah-langkah menubuhkan perniagaan kecil 2. Pengendalian perniagaan Dokumen perniagaan 1. Kepentingan dokumen 2. Jenis dokumen 3. Maklumat penting dalam dokumen Pengeluaran 1. Pengertian pengeluaran 2. Faktor pengeluaran 3. Bidang pengeluaran 4. Kaitan pengeluaran dengan permintaan 5. Proses pengeluaran 6. Pengiraan kos

<p>Tingkatan 2</p>	<p>Asas Keusahawanan</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Pengertian keusahawanan 2. Ciri utama keusahawanan 3. Usahawan dalam negeri 4. Peranan kerajaan dalam membantu usahawan 	<p>Pengenalan kepada Perniagaan</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Bentuk dan jenis perniagaan <ul style="list-style-type: none"> • Perniagaan dalam negeri (Runcit dan borong) • Perniagaan antarabangsa <p>Penubuhan dan Pengendalian Perniagaan</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Bantuan Perniagaan <p>Asas Keusahawanan</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Pengertian keusahawanan 2. Ciri utama keusahawanan 3. Usahawan dalam negeri 4. Peranan kerajaan dalam membantu usahawan <p>Simpan Kira</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Menyimpan rekod urus niaga 2. Merekod urus niaga
<p>Pilihan KH</p>	<p>Perniagaan dan Keushawanan merentas: Pilihan KT, ERT dan SPN (Merentas Pilihan 1,2 dan 3)</p>	<p>Pilihan Perdagangan Dan Keusahawanan (Pilihan 4)</p>
<p>Tingkatan 3</p>	<p>Konsumerisme</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Pengguna dan konsumerisme 2. Hak dan tanggungjawab pengguna 3. Tanggungjawab pengeluar kepada pengguna 4. Peranan persatuan pengguna dan kerajaan 	<p>Pemasaran</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Pengenalan Kepada Pemasaran 2. Fungsi pemasaran 3. Objektif dan aktiviti pemasaran 4. Masalah pemasaran 5. Strategi pemasaran <p>Konsumerisme</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Pengguna dan konsumerisme 2. Hak dan tanggungjawab pengguna 3. Tanggungjawab pengeluar kepada pengguna 4. Peranan persatuan pengguna dan kerajaan <p>Simpan Kira</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Imbangan duga 2. Akaun penamat 3. Kunci kira-kira

Sumber : Huraian Sukatan Pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu (KPM, 2002)

Berdasarkan Jadual 1.1, jelas sekali pelajar pilihan 4 (PK) mempelajari topik perniagaan dan keusahawanan lebih banyak berbanding KH pilihan 1, 2 dan 3. Pelajar pilihan 4 (PK) diperuntukan 16 minggu untuk mempelajari topik perniagaan dan keusahawanan dalam tempoh satu tahun persekolahan. Sedangkan, pelajar pilihan 1, 2 dan 3 hanya diperuntukan 2 minggu sahaja. Pelajar yang mempelajari KH pilihan 4 (PK) mendapat lebih pendedahan dan seharusnya lebih berpengetahuan dalam Perdagangan dan keusahawanan berbanding pilihan lain.

Telah lebih daripada 13 tahun kurikulum ini diguna pakai untuk pengajaran dan pembelajaran. Kurikulum yang diusahakan pada tahun 2002 ini adalah sejajar dengan falsafah pendidikan negara dan mempunyai hala tuju ke arah memperkembangkan kebolehan murid dalam kemahiran teknologi, kecenderungan merekacipta dan semangat keusahawanan (KPM, 2002).

Selaras dengan keperluan mewujudkan lebih ramai usahawan, kerajaan telah mengambil tindakan pantas dengan melaksanakan Pendidikan Asas Vokasional (PAV) dan Kolej Vokasional (KV) yang bermula pada tahun 2012. Tujuan PAV dan KV adalah untuk menghasilkan lulusan pendidikan vokasional pasca menengah yang berkemahiran keusahawanan, berdaya saing dan berwatak profesional. Bagi PAV, komponen kemahiran keusahawanan diterapkan dan dikembangkan menerusi pendekatan merentas kurikulum, iaitu disisipkan ke dalam setiap gerak kerja pengajaran, pembelajaran dan latihan semua dimensi dan semua mata pelajaran (KPM, 2011). Walaubagaimanapun, diperingkat awal pelaksanaan sistem PAV ini, pendekatan keusahawanan merentas kurikulum hanya dapat dilaksanakan di beberapa sekolah rintis yang terpilih sahaja. Kebanyakan sekolah menengah harian biasa masih mengekalkan sistem sedia ada, iaitu keusahawanan di peringkat menengah rendah hanya diajarkan dalam mata pelajaran KH.

Di peringkat menengah atas, dalam usaha mengarusperdanakan dan memperluas akses kepada pendidikan TVET yang berkualiti, subjek Perdagangan diajarkan di sekolah-sekolah menengah seluruh Malaysia sebagai satu subjek elektif di bawah kumpulan TVET. Kandungan subjek ini tertumpu kepada hal ehwal yang berkaitan dengan pendidikan Perdagangan dan perniagaan (Buang, 2002). Berdasarkan Huraian Sukatan Tingkatan 4 dan 5 mata pelajaran Perdagangan (2003), matlamat mata pelajaran Perdagangan adalah untuk memberi pendidikan Perdagangan supaya pelajar mengetahui, memahami dan dapat menggunakan prinsip-prinsip dan amalan positif dalam bidang perniagaan dan perkhidmatan yang berkaitan. Topik-topik yang dipelajari adalah bidang pengeluaran, Perdagangan, perniagaan, bantuan perniagaan, pelaburan, pemilikan perniagaan, konsumerisme dan etika amalan perniagaan (Jabatan Pendidikan Teknikal, 2003).

Pelajar bidang Sains, Agama, Kesusasteraan, atau bidang lain yang tidak mengambil mata pelajaran Perdagangan tidak berpeluang mempelajari topik pendidikan keusahawanan. Pelajar menengah atas mempelajari pendidikan keusahawanan melalui subjek Perdagangan tingkatan 4 dan 5 yang kebetulan disarankan dalam bidang Perdagangan sahaja. Tetapi, didapati pelaksanaan pendidikan keusahawanan di peringkat Sekolah Menengah Atas tidak berjaya mencapai objektifnya, iaitu pelajar tingkatan lima jurusan Perdagangan tidak menunjukkan pencapaian ciri-ciri keusahawanan yang tinggi jika dibandingkan dengan pelajar bidang Sains dalam tingkatan yang sama (Buang, 2002).

Ciri-ciri keusahawanan yang tinggi perlu ada dalam kalangan pelajar terutama pelajar bidang Perdagangan. Usahawan yang berinovasi perlu dihasilkan segera kerana pada tahun 2009, menurut laporan RMKe-10 dianggarkan seramai 100,000 atau 22% pelajar Malaysia memasuki pasaran pekerjaan sahaja menamatkan 11 tahun persekolahan, iaitu dengan hanya memiliki kelayakan SPM (RMKe-10). Kemahiran keusahawanan yang berinovasi perlu ada bagi lulusan SPM ini supaya mereka mampu bersaing, mendapat pendapatan yang lumayan dan memilih usahawan sebagai kerjaya. Menurut Kementerian Sumber Manusia pula, pada bulan Oktober 2013 penempatan bukan siswazah mengikut negeri adalah seperti Jadual 1.2 berikut:

Jadual 1.2: Malaysia: Pendaftar aktif, pendaftar baru, kekosongan dan penempatan bukan siswazah mengikut negeri, Oktober 2013

Kawasan	Pendaftar aktif	Pendaftar Baru	Kekosongan	Penempatan
Johor	17 369	709	26 431	2 432
Kedah	17 424	413	2 927	135
Kelantan	14 846	442	1 021	126
Melaka	6 518	209	4 883	13
Negeri Sembilan	7 410	191	5 394	4
Pahang	11 024	270	3 540	48
Perak	16 626	358	6 608	10
Perlis	2 608	101	428	1
Pulau Pinang	6 678	153	9 393	314
Selangor	19 496	445	39 213	107
Terengganu	9 187	212	1 284	319
W. Persekutuan				
- Kuala Lumpur	7 039	123	23 335	5
- Labuan	1 231	58	667	112
- Putrajaya	1 238	20	5 258	1
Jumlah Semenanjung Malaysia	138 694	3 704	130 382	3 627
Sabah dan Sarawak	51 795	1 481	19 993	201
Jumlah	190 489	5 185	150 375	3 828

Sumber: Kementerian Sumber Manusia (2013)

Laporan dalam Jadual 1.2 menunjukkan pendaftar aktif, pendaftar baru, kekosongan dan penempatan bagi pekerja bukan siswazah mengikut negeri di negara kita. Laporan Kementerian Sumber Manusia ini menunjukkan seramai 190 489 calon pekerja yang telah mendaftar dan seramai 5 185 pendaftar baru. Tetapi hanya 3 828 pendaftar yang telah ditempatkan mengikut kekosongan jawatan. Ramai calon yang belum berjaya ditempatkan pada penempatan yang sesuai. Masih ramai lagi sumber manusia bukan siswazah yang menganggur. Peratus pengangguran dapat dikurangkan andainya ramai pelajar lepasan SPM di negara ini berkemampuan untuk menceburi bidang keusahawanan. Menurut Zaidatol Akmaliah (2002) matlamat pendidikan keusahawanan sekolah adalah untuk menghasilkan pelajar sebagai pencipta kerja yang berpotensi dan bukan sebagai pencari kerja. (Lope Pihie, Bakar, & Konting, 2002).

Program pendidikan keusahawanan yang dilaksanakan di sekolah menengah sepatutnya dapat diukur pencapaiannya. Kesan program pendidikan keusahawanan terhadap efikasi sendiri dan perilaku inovasi keusahawanan pelajar boleh dikaji dan boleh diukur. Faktor-faktor yang mempengaruhi kesan pendidikan keusahawanan masih lagi menjadi persoalan banyak pihak seperti golongan pendidik keusahawanan, institusi awam, guru-guru dan sebagainya (Fayolle & Gailly, 2013).

Sehubungan itu, kajian ini akan memfokuskan tentang pendidikan keusahawanan. Kajian akan mengukur tahap keterlibatan kognitif, efikasi sendiri keusahawanan serta perilaku inovasi keusahawanan pelajar bidang Sains dan Perdagangan. Hubungan antara keterlibatan kognitif, efikasi sendiri keusahawanan terhadap perilaku inovasi keusahawanan pelajar dalam pendidikan keusahawanan juga akan di kaji.

1.3 Penyataan Masalah

Negara kita terperangkap dalam status negara berpendapatan sederhana sejak tahun 1992 (RMKe-11). Semenjak krisis kewangan Asia pada tahun 1997-1998, struktur ekonomi Malaysia tidak banyak berubah. Masyarakat Malaysia yang kurang berinovasi dan kurang kreatif adalah salah satu sebab ekonomi negara tidak berkembang dengan baik. Lulusan SPM yang memilih untuk makan gaji juga menimbulkan masalah kepada majikan. Masalah utama yang dihadapi oleh firma-firma di Malaysia adalah pekerja kurang kemahiran, tidak cukup kreatif dan tidak berinovasi (RMKe-11). Untuk keluar daripada perangkap ekonomi yang membelenggu, modal insan bertaraf dunia, termasuklah usahawan perlu dibangunkan melalui inovasi dalam keusahawanan.

Laporan daripada Jabatan Statistik Malaysia (2013) pula menunjukkan seramai 424 600 rakyat Malaysia berumur antara 15 hingga 64 tahun tidak bekerja (RMKe-10). Bagi bulan Januari 2015, terdapat 450 300 jumlah penganggur, dan jumlah ini terus meningkat kepada 501 500 penganggur pada bulan Januari 2016 (Malaysia, 2016). Jumlah ini dapat dikurangkan seandainya mereka bekerja sendiri ataupun melibatkan diri dalam perniagaan.

Laporan dalam PPPM (PT) 2015-pula menyatakan bahawa kebanyakan graduan tidak berminat menceburi bidang keusahawanan. Hanya 2% sahaja bekerja sendiri atau menjalankan perniagaan sendiri. Pada tahun 2013, 45% daripada graduan berpendapatan hanya di bawah RM 1,500 sebulan. Selain itu, 58% daripada rakyat Malaysia berpendapat bahawa keusahawanan bukanlah pilihan kerjaya yang baik (KPM, 2015). Masalah ini jelas menunjukkan bahawa kajian terkini tentang tahap efikasi sendiri keusahawanan rakyat Malaysia perlu dilaksanakan segera.

Menurut laporan Global Innovation Index (GII) tahun 2015, inovasi keseluruhan Malaysia tahun 2014 tidak banyak berubah dan berada di kedudukan ke 32, manakala negara jiran Singapura di tempat ke 7. Dari segi kecekapan inovasi, kedudukan negara kita menurun daripada kedudukan ke 52 tahun 2013, kepada kedudukan ke 72, tahun 2014. Negara Vietnam dan Indonesia mendahului negara kita dengan masing-masing berada di kedudukan ke 9 dan ke 42 bagi kecekapan inovasi (Dutta et al., 2015). Tahap inovasi negara kita perlu ditingkatkan dalam semua aspek seperti perniagaan, infrastruktur, pelaburan, dan terutamanya inovasi dalam pendidikan.

Usaha ke arah inovasi masih tidak banyak, kajian serta penyelidikan juga tidak memberangsangkan. Menurut laporan WDI, KRIS (dalam RMKe-10) jumlah nisbah penyelidikan berkaitan inovasi di Malaysia adalah kurang daripada 1000 kajian bagi satu juta penduduk berbanding sebanyak 3000 hingga 5000 bilangan kajian yang dilakukan di Singapura dan Korea Selatan bagi nisbah per 1 juta penduduk mereka. Kekurangan kajian dan penyelidikan ini menyebabkan kurangnya inovasi dalam sektor industri dan eksport (MPEN, 2010). Oleh itu, kajian segera perlu dilakukan, tindakan seterusnya boleh diambil untuk menghasilkan usahawan yang berinovasi dan mampu bersaing di peringkat global.

1.4 Objektif Kajian

Kajian ini dilakukan untuk menentukan tahap keterlibatan kognitif dan efikasi sendiri keusahawanan, serta hubungannya dengan perilaku inovasi keusahawanan pelajar. Peramal bagi perilaku inovasi keusahawanan pelajar juga akan ditentukan.

Terdapat lima objektif yang disasarkan, objektif bagi kajian ini adalah seperti berikut:

1. Menentukan tahap keterlibatan kognitif, efikasi sendiri keusahawanan dan perilaku inovasi keusahawanan pelajar.
2. Menentukan perbezaan tahap keterlibatan kognitif, efikasi sendiri keusahawanan dan tahap perilaku inovasi keusahawanan pelajar berdasarkan bidang Perdagangan dan bidang Sains.
3. Menentukan perbezaan tahap keterlibatan kognitif, efikasi sendiri keusahawanan, dan tahap perilaku inovasi keusahawanan pelajar berdasarkan pengkhususan 4 pilihan mata pelajaran Kemahiran Hidup.
4. Menentukan hubungan antara keterlibatan kognitif dan efikasi sendiri keusahawanan dengan perilaku inovasi keusahawanan pelajar.
5. Menentukan peramal perilaku inovasi keusahawanan pelajar.

1.5 Persoalan Kajian

Persoalan kajian disusun berdasarkan objektif kajian yang telah ditetapkan. Dua belas persoalan kajian yang akan dijawab melalui hasil kajian adalah seperti berikut:

1. Apakah tahap keterlibatan kognitif pelajar?
2. Apakah tahap efikasi sendiri keusahawanan pelajar?
3. Apakah tahap perilaku inovasi keusahawanan pelajar?
4. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan bagi keterlibatan kognitif pelajar berdasarkan bidang Perdagangan dan bidang Sains?
5. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan bagi efikasi sendiri keusahawanan pelajar berdasarkan bidang Perdagangan dan bidang Sains?
6. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan bagi perilaku inovasi keusahawanan pelajar berdasarkan bidang Perdagangan dan bidang Sains?
7. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan bagi keterlibatan kognitif pelajar berdasarkan pengkhususan 4 pilihan mata pelajaran Kemahiran Hidup?

8. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan bagi efikasi sendiri keusahawanan pelajar berdasarkan pengkhususan 4 pilihan mata pelajaran Kemahiran Hidup?
9. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan bagi perilaku inovasi keusahawanan pelajar berdasarkan pengkhususan 4 pilihan mata pelajaran Kemahiran Hidup?
10. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara keterlibatan kognitif dengan perilaku inovasi keusahawanan pelajar?
11. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara efikasi sendiri keusahawanan dengan perilaku inovasi keusahawanan pelajar?
12. Apakah peramal perilaku inovasi keusahawanan pelajar?

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini diharap dapat memberi input baru kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) khasnya bahagian yang bertanggungjawab secara langsung didalam menjalankan misi kerajaan ke arah membentuk masyarakat yang berorientasikan perniagaan dan keusahawanan yang berinovasi. Hasil kajian ini akan memberi maklumat tentang tahap keterlibatan kognitif, efikasi sendiri keusahawanan, dan perilaku inovasi keusahawanan bagi pelajar bidang Perdagangan dan bidang Sains, seterusnya cadangan yang sesuai boleh diutarakan bagi mengatasi segala kelemahan yang sedia ada.

Tahap Inovasi negara kita berbanding negara lain di ukur oleh Global Innovation Index (GII). Tahap inovasi masyarakat Malaysia juga perlu diukur. Dengan terlaksananya kajian ini, tahap perilaku inovasi keusahawanan sama ada berada pada tahap rendah, sederhana, atau tinggi boleh diukur. Sampel kajian ini pula adalah pelajar tingkatan 4, iaitu golongan remaja yang masih muda dan bakal menjadi pelapis usahawan negara kita. Menentukan tahap keterlibatan kognitif, efikasi sendiri keusahawanan dan perilaku inovasi keusahawanan golongan muda ini dapat memberi gambaran kepada pemimpin negara tentang tindakan segera yang perlu diambil untuk memastikan hasrat menghasilkan usahawan inovatif dan berdaya saing di masa akan datang tercapai.

Kajian ini juga diharapkan dapat membantu guru-guru, terutama guru-guru Perdagangan untuk menentukan tahap efikasi sendiri keusahawanan dan perilaku inovasi keusahawanan pelajar. Pengetahuan daripada hasil kajian ini boleh memberi input dan mendorong guru-guru meningkatkan tahap efikasi dan inovasi pelajar terhadap keusahawanan. Seterusnya kajian ini akan memberikan manfaat kepada pelbagai golongan terutamanya penyelidik dan perancang ekonomi pada masa hadapan yang cenderung untuk membantu dunia usahawan pada masa akan datang.

1.7 Batasan Kajian

Kurikulum pendidikan cadangan RMKE-10 sepatutnya menekankan kreativiti, inovasi dan keusahawanan merentasi semua mata pelajaran. Walaubagimanapun kajian ini akan menumpukan kepada keterlibatan kognitif, efikasi sendiri keusahawanan dan perilaku inovasi keusahawanan pelajar bidang Perdagangan dan bidang Sains sahaja. Pelajar menengah atas Aliran Agama, Kejuruteraan atau aliran lain yang ditawarkan di sekolah-sekolah menengah di Malaysia tidak akan dikaji dalam kajian ini.

Kajian ini akan dijalankan di sekolah harian biasa yang menawarkan sekurang-kurangnya 3 pilihan pengkhususan mata pelajaran Kemahiran Hidup semasa pelajar di tingkatan 1, 2 dan 3. Sekolah berasrama penuh, Kolej Vokasional atau sekolah selain daripada sekolah harian biasa tidak dipilih sebagai sampel kajian.

Sampel kajian adalah terdiri daripada pelajar tingkatan 4 sahaja, pelajar tingkatan 1, 2, 3 dan 5 tidak dipilih sebagai sampel kajian. Selain itu, sampel kajian ini adalah pelajar bidang Perdagangan dan bidang Sains di sekitar negeri Selangor sahaja. Pelajar di negeri lain di Malaysia tidak dipilih sebagai sampel kajian.

Keterlibatan murid di sekolah menurut Fredricks (2004), melibatkan keterlibatan berdasarkan tiga dimensi iaitu, tingkah laku, emosi dan kognitif. Bagi kajian ini, keterlibatan tingkah laku dan emosi tidak diberi tumpuan. Kajian akan hanya memfokuskan keterlibatan kognitif dalam bilik darjah sahaja.

1.8 Definisi Istilah

1.8.1 Perilaku Inovasi Keusahawanan

Menurut Lukes (2009) perilaku inovasi keusahawanan adalah proses penciptaan atau pelaksanaan idea baru dan usaha seterusnya untuk membangunkan model baru, produk, perkhidmatan, proses atau perniagaan dengan nilai tambah yang dijangka untuk pengguna yang berpotensi (Lukes, Stephan, & Cernikova, 2009). Untuk kajian ini perilaku inovasi keusahawanan diukur dengan menggunakan 23 item yang telah diubahsuai berdasarkan hasil kajian Lukeš, Stephan, and Černíková (2013).

1.8.2 Keterlibatan Kognitif

Menurut Greene, Miller, Crowson, Duke, & Akey (2004) keterlibatan kognitif adalah penglibatan bersungguh-sungguh pelajar dalam pembelajaran, melibatkan motivasi, sokongan autonomi, penguasaan kemahiran, matlamat pembelajaran, menyiapkan tugas, merancang strategi pembelajaran dan bertanggungjawab mengenai topik yang diajar. Untuk kajian ini keterlibatan kognitif diukur dengan menggunakan 53 item yang telah diubahsuai berdasarkan hasil kajian Greene et al., (2004).

1.8.3 Efikasi Kendiri Keusahawanan

Menurut Mc Gee (2009), efikasi sendiri keusahawanan adalah kepercayaan seseorang terhadap kemampuan mereka untuk berjaya melakukan satu usaha keusahawanan. Efikasi sendiri keusahawanan ini sangat penting kerana ia merangkumi personaliti dan faktor-faktor alam sekitar. Untuk kajian ini efikasi sendiri keusahawanan diukur dengan menggunakan 19 item yang telah diubahsuai berdasarkan hasil kajian Mc Gee 2009. (McGee, Peterson, Mueller, & Sequeira, 2009)

1.9 Kesimpulan

Bab ini membincangkan secara terperinci tentang latar belakang dan pernyataan masalah tajuk yang dikaji iaitu berkaitan keterlibatan kognitif, efikasi sendiri keusahawanan, dan perilaku inovasi keusahawanan pelajar. Bab ini juga membincangkan objektif kajian, persoalan kajian, kepentingan kajian dan batasan kajian. Selain itu, definisi istilah yang terlibat dalam kajian juga telah dibincangkan.

RUJUKAN

- Abdul Kadir, Suhaila. (2012). Amalan Nilai Islam Dan Kejayaan Perusahaan Kecil Dan Sederhana Di Kelantan Dan Selangor. *Perniagaan Keusahawanan*, 1-347. <http://doi.org/10.1017/CBO9781107415324.004>
- Achmat, Z. (2010). Theory of Planned Behavior , Masihkah Relevan ? Retrieved February 14, 2015, from <http://www.zakarija.staff.umm>
- Ahlin, B., Drnovšek, M., & Hisrich, R. D. (2013). Entrepreneurs' creativity and firm innovation: the moderating role of entrepreneurial self-efficacy. *Small Business Economics*, 43(1), 101-117. <http://doi.org/10.1007/s11187-013-9531->
- Ajzen, I. (1991). The theory of planned behavior. *Organizational Behavior and Human Decision Processes*, 50, 179-211. [http://doi.org/10.1016/0749-5978\(91\)90020-](http://doi.org/10.1016/0749-5978(91)90020-)
- Amir, R., Saleha, A., Mohd Jelas, zalizan, Ahmad, A. R., & Hutkemri. (2014). Students ' Engagement by Age and Gender : A Cross-Sectional Study in Malaysia. *Middle-East Journal of Scientific Research*, 21(10), 1886-1892. <http://doi.org/10.5829/idosi.mejsr.2014.21.10.85168>
- Appleton, J. J., Christenson, S. L., Kim, D., & Reschly, A. L. (2006). Measuring cognitive and psychological engagement: Validation of the Student Engagement Instrument. *Journal of School Psychology*, 44(5), 427-445. <http://doi.org/10.1016/j.jsp.2006.04.002>
- Atkinson, R. D., & Ezell, S. (2015). Principles for National Innovation Success. In *The Global Innovation Index 2015 Effective Innovation Policies for Development* (pp. 89-98). Geneva: Intellectual Property Organization.
- Baumol, W. J. (2010). *The Microtheory of Innovative Entrepreneurship* (First). Princeton: Princeton University Press
- Buang, N. A. & M. Y. P. (2002). Kesiediaan guru-guru Perdagangan di wilayah persekutuan dari aspek pengetahuan kaedah pengajaran dan sikap terhadap pengajaran subjek pengajian keusahawanan. *Jurnal Teknologi*, 37, 1-16. Retrieved from <http://www.penerbit.utm.my/onlinejournal/37/E/JT37E1.pdf>
- Buku Perangkaan Pendidikan Malaysia 2014. (2014). Retrieved January 1, 2015, from web: <http://www.statistics.gov.my>
- Carey, C., & Matlay, H. (2010). Creative disciplines education: a model for assessing ideas in entrepreneurship education? *Education + Training*, 52(8/9), 694-709. <http://doi.org/10.1108/00400911011088999>
- Chaminade, C., & Moskovko, M. (2015). Radical Institutional Change: Enabling the Transformation of Georgia's Innovation System. In *The Global Innovation Index 2015 Effective Innovation Policies for Development* (pp. 113-120). Geneva: Intellectual Property Organization.
- Chen, C. C., & Greene, P. G. (1998). Does Entrepreneurial self-efficacy distinguish entrepreneurs from managers? *Journal of Business Venturing*, 9(26), 295-316.
- Cohen, J. (1988). *Statistical Power Analysis for the Behavioral Sciences*. Hillsdale, NJ: Erlbaum.

- Connell, J. P., & Wellborn, J. . (1991). Competence, autonomy, and relatedness: A motivational analysis of self-system processes. In M. Gunnar & L. A. Sroufe (Eds.), *Minnesota Symposium on Child Psychology*. Chicago: University of Chicago Press.
- Cresswell, J. W., & Clark, V. L. P. (2010). *Understanding Research A Consumer's Guide* (1st ed.). Lincoln: Pearson Education.
- D. Atkinson, R., & Ezell, S. (2015). Principles for National Innovation Success. In *The Global Innovation Index 2015 Effective Innovation Policies for Development* (pp. 89-98). Geneva: Intellectual Property Organization.
- Deci, E. L., & Ryan, R. M. (1985). *Intrinsic motivation and self-determination in human behavior*. New York: Plenum.
- Dutta, S., Lanvin, B., & Wunsch-Vincent, S. (2015). *The Global Innovation Index 2015 Effective Innovation Policies for Development*. Geneva.
- Fayolle, A., & Gailly, B. (2013). The Impact of Entrepreneurship Education on Entrepreneurial Attitudes and Intention: Hysteresis and Persistence. *Journal of Small Business Management*, n/a-n/a. <http://doi.org/10.1111/jsbm.12065>
- Fraenkel, J. R., Wallen, N. E., & Hyun, H. H. (2012). *How to Design and Evaluate Reserach in Education* (8th ed.). New York, NY: Mc Graw Hill.
- Fredricks, J. A., Blumenfeld, P. C., & Paris, A. H. (2004). School Engagement : Potential of the Concept , State of the Evidence, *74*(1), 59-109.
- Gilbert, D. H. (2012). From chalk and talk to walking the walk: Facilitating dynamic learning contexts for entrepreneurship students in fast-tracking innovations. *Education + Training*, *54*(2/3), 152-166. <http://doi.org/10.1108/00400911211210260>
- Greene, B. a., Miller, R. B., Crowson, H. M., Duke, B. L., & Akey, K. L. (2004). Predicting high school students' cognitive engagement and achievement: Contributions of classroom perceptions and motivation. *Contemporary Educational Psychology*, *29*(4), 462-482. <http://doi.org/10.1016/j.cedpsych.2004.01.006>
- Jabatan Pendidikan Teknikal, K. (2003). Huraian Sukatan Tingkatan 4 dan 5 Perdagangan
- Klapper, R., & Tegtmeier, S. (2010). Innovating entrepreneurial pedagogy: examples from France and Germany. *Journal of Small Business and Enterprise Development*, *17*(4), 552-568. <http://doi.org/10.1108/1462600101108872>
- Klem, A. M., & Connell, J. P. (2004). Linking Teacher Support to Student Engagement and Achievement, *74*(7), 262-274.
- KPM. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- KPM. (2015). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi)*.
- KPM, P. P. K. (2002). *Huraian Sukatan Pelajaran Kemahiran hidup bersepadu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Larson, R. W. (2000). Towards a psychology of positive youth development. *American Psychologist*, *55*, 170-183
- Lembaga Peperiksaan, K. P. M. (2009). *Jadual Waktu Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia 2009*.

- Lembaga Peperiksaan, K. P. M. (2010). *Jadual Waktu Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia 2010*. Kerajaan Malaysia.
- Lembaga Peperiksaan, K. P. M. (2012). *Jadual Waktu Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia 2012*.
- Lembaga Peperiksaan, K. P. M. (2016). *Jadual Waktu Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia 2016*.
- Lope Pihie, Z. A. (2014). *Usahawan dan Keusahawanan Satu Perspektif Pendidikan* (2nd ed.). Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Lope Pihie, Z. A., Bakar, A. R., & Konting, M. M. (2002). Pelaksanaan Pendidikan Keusahawanan di Malaysia: Kesan Terhadap Aspirasi Keusahawanan Pelajar. *Pertanika Journal Sosial Sciences & Humanities*, 10(1), 53–61.
- Lope Pihie, Z. A., & Hassan, H. (2010). *Memperkasa Tekad Keusahawanan Pelajar* (1st ed.). Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Lourenço, F., & Jayawarna, D. (2011). Enterprise education: the effect of creativity on training outcomes. *International Journal of Entrepreneurial Behaviour & Research*, 17(3), 224–244. <http://doi.org/10.1108/13552551111130691>
- Lukeš, M. (2013). Entrepreneurs as innovators: a multi-country study on entrepreneurs innovative behaviour. *Prague Economic Papers*, 72–84.
- Lukes, M., Stephan, U., & Cernikova, A. (2009). Measuring innovative behavior and innovation support. In *ISPIM Conference*.
- Malaysia, J. P. (2016). *Siaran akhbar perangkaan utama tenaga buruh, Malaysia, Januari 2016*.
- McFadzean, E., O'Loughlin, A., & Shaw, E. (2005). Corporate entrepreneurship and innovation part 1: the missing link. *European Journal of Innovation Management*, 8(3), 350–372. <http://doi.org/10.1108/14601060510610207>
- McGee, J., Peterson, M., Mueller, S., & Sequeira, J. (2009). Entrepreneurial Self-Efficacy: Refining the Measure. *Entrepreneurship Theory and Practice*, 33(4), 965–988. <http://doi.org/10.1111/j.1540-6520.2009.00304.x>
- MPEN, M. P. E. N. (2010). *Model Baru Ekonomi Bahagian Akhir*. Percetakan Nasional Malaysia Berhad.
- Pallant, J. (2001). *SPSS Survival Manual A step by step guide to data analysis using SPSS for Windows (Version 10)*. Buckingham: Open University Press.
- Pihie, Z. A. L., & Bagheri, A. (2011). Malay students' entrepreneurial attitude and entrepreneurial efficacy in vocational and technical secondary schools of Malaysia. *Pertanika Journal of Social Science and Humanities*, 19(2), 433–447. <http://doi.org/10.1080/13636820.2010.509806>
- Ponnusamy, S. (2006). *Tahap Pengetahuan, Kemahiran dan Kecenderungan Keusahawanan di Kalangan Pelajar-pelajar Tingkatan 4*. PENERBIT UTM. UKM.
- Prabhu, V. P., McGuire, S. J., Drost, E. a., & Kwong, K. K. (2012). Proactive personality and entrepreneurial intent: Is entrepreneurial self-efficacy a mediator or moderator? *International Journal of Entrepreneurial Behaviour & Research*, 18(5), 559–586. <http://doi.org/10.1108/13552551211253937>

- Rasiah, R., & Yap, X. S. (2015). Innovation Performance of the Malaysian Economy. In *The Global Innovation Index 2015 Effective Innovation Policies for Development* (pp. 139-146). Geneva: Intellectual Property Organization. <http://doi.org/978-2-9522210-8-5>
- RMKe-10 JPM, U. P. E. (2010). Rancangan Malaysia ke 10. In *Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10)* (pp. 192-251). Putrajaya: Percetakan Nasional Malaysia Berhad.
- Rotgans, J. I., & Schmidt, H. G. (2011). Cognitive engagement in the problem-based learning classroom. *Advances in Health Sciences Education*, 465-479.
- Salkind, N. J. (2011). *Exploring Research (8th Edition)*.
- Schumpeter, J. (1934). *The Theory of Economic Development: An Inquiry Into Profits, Capital, Credit, Interest and Business Cycle* (10th ed.). New Jersey: Transaction publishers.
- Shaari, Z. H., Amar, A., Harun, A. B., & Zainol, M. R. (2015). Technical and Business Undergraduates' Self-Efficacy in Entrepreneurship. *Journal of Economics, Business and Management*, 3(4), 417-420. <http://doi.org/10.7763/JOEBM.2015.V3.220>
- Talib, O. (2013). *Asas Penulisan Tesis Penyelidikan & Statistik* (1st ed.). Serdang: Ppenerbit UPM.
- Talib, O. (2015). *SPSS Analisis Data Kuantitatif Untuk Penyelidik Muda* (1st ed.). Bangi: MPWS Rich Publication Sdn Bhd.
- Tiago, T., Faria, S., Couto, J. P., & Tiago, F. (2015). Fostering Innovation by Promoting Entrepreneurship: From Education to Intention. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 175, 154-161. <http://doi.org/10.1016/j.sbspro.2015.01.1186>
- Vanevenhoven, J., & Liguori, E. (2013). The Impact of Entrepreneurship Education: Introducing the Entrepreneurship Education Project. *Journal of Small Business Management*, 51(3), 315-328. <http://doi.org/10.1111/jsbm.12026>
- Yusuf, N. Y., Abu, R., & Yunus, A. S. (2014). Tingkah laku, emosi dan kognitif murid sebagai faktor peramal pencapaian akademik. *Journal of Human Capital Development*, 7(1), 1-20.